



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

1 JULAI 2021 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

1 JULAI 2021 (KHAMIS)

HARI : KHAMIS
TARIKH : 1/7/2021
M/SURAT : 1



KPDNHEP jalin kerjasama dengan kementerian lain

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan bekerjasama dengan kementerian berkaitan dalam melaksanakan harga kawalan berdasarkan nilai ambang crude palm oil (CPO).

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia bagi memastikan harga minyak masak lima kilogram tidak melebihi RM30 sebotol.

"Bagi menangani isu kenaikan harga minyak masak botol satu hingga lima kilogram, KPDNHEP ingin merakamkan terima kasih atas kesudian kerajaan menerima cadangan mekanisme pengurusan harga minyak masak tidak bersubsidi," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, KPDNHEP menyambut baik peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion dalam Paket Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) bagi memastikan bekalan minyak masak bersubsidi dalam pek polibeg satu kilogram terjamin dan dapat dibeli pada harga subsidi RM2.50.

"Kementerian akan meneruskan dasar kawalan dan harga barang keperluan dan meningkatkan

ISU HARGA
MINYAK MASAK

penguatkuasaan sedia ada yang ternyata berkesan seperti yang terbukti sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tanpa sebarang insiden terputusnya bekalan barang keperluan," katanya.

Beliau berkata, kementerian menyokong sepenuhnya Program Pemeriksaan Pendigitalan Usahawan Kecil atau Pupuk dengan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS) dan RM100 juta untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi meningkatkan agenda digitalisasi negara.

"KPDNHEP sendiri telah lama menggerakkan program digitalisasi sama ada di peringkat kementerian mahupun dalam sektor perdagangan pengedaran melalui pelbagai aplikasi seperti ez-Aduan, Price Catcher, MySales Tracker, MyHarga, Spacedeal, Chatbot Sara, ReDI dan banyak lagi," katanya.

Alexander berkata, kementerian telah memulakan program imunisasi khusus untuk barisan hadapan ekonomi supaya negara boleh bergerak ke arah pembukaan lebih banyak sektor ekonomi apabila semua yang terlibat telah menjalani imunisasi sepenuhnya.

Ministry to retain price control policy

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will continue with the price control policy for essential items in addition to stepping up enforcement.

Its minister, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, said enforcement was clearly effective as there were no incidents of supply disruption during the implementation of the Movement Control Order prior to this.

Referring to Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihian Ekonomi (Pemulih), he said the aid package was balanced and coincided with the current situation, and could ensure that the country won the fight against Covid-19 for the wellbeing and survival of the people.

"The ministry appreciates the concern of the government, which is committed to alleviating the cost of living of the people by continuing the policy of controlling the prices of essential items, and among other things, maintaining the retail prices of RON95 petrol, diesel and LPG involving subsidies of more than RM6 bil-

lion a year," he said in a statement yesterday.

The ministry, Nanta said, appreciated the government for accepting the unsubsidised cooking oil price management mechanism proposal to tackle the issue of cooking oil price hike in the 1kg to 5kg bottles.

Towards this end, he said, the ministry would cooperate with the relevant ministries in implementing the price control based on the Crude Palm Oil (CPO) threshold value and ensure that the price of a 5kg bottle of cooking oil would not exceed RM30.

The ministry also lauded an additional allocation of RM1 billion to ensure the supply of subsidised cooking oil in 1kg poly-bags is guaranteed and is available at a subsidised price of RM2.50.

In addition, he said, the min-

istry supported the Small Entrepreneur Digitalisation Empowering Programme with an allocation of RM200 million for micro-, small- and medium-enterprises and RM100 million for small- and medium-sized enterprises to boost the national digitalisation agenda.

The ministry, too, had for a long time mobilised the digitalisation programme either at the ministerial level or in the distribution trade sector through various applications such as e-zAduan, Price Catcher, My Sales Tracker, My-Harga, Spacedeal, Chatbot Sara and ReDL.

Nanta said the ministry had started a special immunisation programme for economic frontliners so that the country could move towards the opening up of more economic sectors when all involved had undergone full immunisation. **Bernama**



Datuk Seri
Alexander Nanta
Linggi

Pemilik syarikat minyak masak, adik didakwa lagi

Kedua-dua beradik itu dituduh menerima wang haram berjumlah RM218,524.80

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Sorang pemilik syarikat pembungkusan minyak masak subsidi bergelar Datuk dan adiknya didakwa di Mahkamah Sesyen Alor Setar di sini pada Rabu atas pertuduhan menerima wang haram berjumlah RM218,524.80.

Tertuduh, Datuk Mohd Farid Mohamad Ali, 42, dan adiknya, Mohd Fadhil, 38, didakwa mengikut Subseksyen 4(1) (b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATPUAA) 2001 dan dibaca bersama subseksyen 87(1)(a) akta sama dan seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Kedua-dua beradik itu membuat pengakuan tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sharifah Norazlita Syed Salim Idid.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Tan Siew Ping manakala



Kedua-dua tertuduh didakwa atas pertuduhan menerima wang RM218,524.80 hasil pengubahan wang haram.

tertuduh diwakili peguam Muhammad Nor Izzat Nordin dan Keshwinder Singh.

Mahkamah Sesyen Alor Setar telah membernarkan permohonan pihak pendakwaan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk dibicarakan bersama kesalahan yang telah dituduh pada 25 Jun lalu.

Kedua-dua tertuduh kemudian diikat jamin RM10,000 setiap seorang dan sebutan semula kes ditetapkan pada 1 September depan.

Pada 25 Jun, kedua-dua tertuduh telah didakwa di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas 52 pertuduhan berhubung tuntutan palsu pembekalan minyak masak

kepada syarikat-syarikat peruncit lebih RM1.57 juta dua tahun lalu.

Mohd Farid dan Mohd Fadhil didakwa memberikan dokumen palsu iaitu Penyata Tuntutan Bayaran Bantuan Kewangan Kepada Kilang Penapis/Pembungkus Minyak Masak Sawit Tulen yang mengandungi butiran matan palsu kepada tiga kakitangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) iaitu maklumat penjualan minyak masak kepada syarikat-syarikat peruncit yang mana tertuduh tahu penjualan minyak masak itu sebenarnya mengandungi matan palsu, kesemuanya bernilai RM1.57 juta.

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **1/7/2021**
M/SURAT : **16**

Senarai Harga Barang Keperluan					
Ayam	RM5.99	Telur Gred A (30 biji)	RM9	Gula pasir	RM2.20
Daging lembu tempatan	RM35	Ikan kembung	RM8.90	Bawang besar holland	RM2.69
Daging lembu import	RM29.99	Minyak masak	RM6.15	Bawang putih	RM4.89
				Cili merah	RM4.99
				Kubis tempatan	RM1.99
				Tepung gandum	RM2.09

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

HARI : KHAMIS
TARIKH : 1/7/2021
M/SURAT : 1

